

20 JAN 2002

Syed Razak-Pendapatan

PENDAPATAN PER KAPITA RAKYAT KEDAH RM4,137 PADA 2000

ALOR SETAR, 20 Jan (Bernama) -- Pendapatan per kapita penduduk negeri Kedah melonjak daripada RM2,612 pada tahun 1990 kepada RM4,137 tahun lepas selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan.

Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain berkata purata pertumbuhan ekonomi negeri dalam tempoh sepuluh tahun adalah 9.6 peratus setahun iaitu lebih tinggi daripada kadar sasaran peringkat nasional sebanyak 8.7 peratus.

"Selaras dengan peningkatan pendapatan per kapita, kualiti hidup rakyat Kedah juga bertambah baik," katanya dalam ucapan tahniah pada istiadat penanugerahan darjah serta bintang kebesaran sempena ulangtahun Keputeraan Sultan Kedah ke-74 di Istana Anak Bukit di sini hari ini.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Syed Razak berkata dalam tempoh yang sama, kadar kemiskinan dapat dikurangkan daripada 30 peratus kepada 13.5 peratus dengan bilangan keluarga termiskin berjaya dikurangkan daripada 23,769 kepada 4,363 orang.

Beliau berkata kerajaan negeri bercadang mengeluarkan penduduk di negeri itu daripada garis kemiskinan dengan membina 4,363 buah rumah hujung tahun ini.

Katanya kerajaan negeri telah menggariskan empat panduan rasmi dalam Pelan Tindakan Kedah Maju 2010 untuk membawa Kedah ke mercu kemajuan.

Pelan itu memberi tumpuan kepada pertumbuhan ekonomi dalam sektor perindustrian, pertanian, pelancongan dan perkhidmatan, pembangunan pendidikan, agama dan kemudahan fizikal selain memberi penekanan kepada dasar keterampilan daripada aspek pemerintah, pelaksanaan dasar dan perundangan, katanya.

Syed Razak berkata panduan yang terakhir adalah dasar perbelanjaan berhemat supaya dapat meminimumkan kos dan memaksimumkan hasil pembangunan.

Katanya mengikut unjuran pelan berkenaan, Keluaran Dalam Negara Kasar Kedah dalam tempoh sepuluh tahun, akan tumbuh pada kadar 12 hingga 15 peratus setahun dan nilai itu akan menjadi RM36,762 juta pada 2010.

-- BERNAMA

MAN MZM LAT